

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 15 Jun 2016 15:38
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: HAPPY 2nd ANNIVERSARY WELCOME CENTRE



15 JUN 2016 / 10 RAMADAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

HAPPY 2nd ANNIVERSARY WELCOME CENTRE



ANJUNG TAMU ONLINE: Ramadan, bulan yang sememangnya dinanti-nantikan oleh setiap umat Islam di seluruh dunia, bulan yang datang dengan penuh keberkatan dan kemuliaan. Sempena bulan yang mulia ini juga, Welcome Centre menyambut ulangtahun kedua sejak penubuhannya pada 15 Jun 2014.

Hari berganti minggu, minggu berganti bulan dan bulan telah berganti tahun, Welcome Centre terus memahat sejarahnya yang tidak putus-putus menerima, menyambut tetamu, pelancong dan pelanggan domestik dan antarabangsa dalam usaha mempromosikan UUM tercinta.

Penampilan rekabentuknya yang diadaptasikan oleh sireh junjung menjadi kebanggaan warisan budaya tetap mencuri tumpuan mata sesiapa sahaja yang lalu lalang. Malah ada di kalangan tetamu yang setia menggunakan kemudahan yang tersedia untuk santai minda di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) ini.

Dalam masa yang sama, Welcome Centre tidak pernah mengenal erti jemu menggamit tetamu yang datang dari seluruh dunia dengan gaya dari berbagai bangsa, agama, bahasa dan budaya.

Terpancar senyuman yang bersinar-sinar daripada tetamu melihat variasi rona hijau dalam kampus universiti pengurusan terkemuka yang menyerlahkan kedamaian. Sementara itu, Bougainvillea yang menjadi bunga rasmi universiti pula menyuntik karakter unik pada keindahan persekitaran.

Dalam pada itu, Welcome Centre meletakkan kualiti sebagai penanda aras kepada khidmat dan kepuasan pelanggan universiti di samping hospitaliti terbaik sebagai keutamaan.

Dua tahun beroperasi, ambien keredupan dan ketenangan kampus menyaksikan lebih 50,000 tetamu dari dalam dan luar negara berkunjung ke Welcome Centre sahaja. Antaranya duta-duta besar dari luar negara, dif kehormat, Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Idris Jusoh, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Datuk Mary Yap Kain Ching, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Puan Hajah Nancy Haji Shukri, selebriti terkenal, Dato' Siti Nurhaliza Tarudin, Wan Hafizol Wan Omar (Fizo Omar), Mohamad Zain Mohd Saidin (Zain Saidin), Dayang Nurfaizah Awang Dowty, orang kurang upaya, warga emas, pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT), pelajar sekolah dan sebagainya.

Melihat gaya keseluruhan maklum balas diterima hasil garapan idea semua tetamu, Welcome Centre akan terus melonjakkan bilangan tetamu untuk Discover UUM.

Kelainan yang berbeza, yang pertama dibina antara Universiti Awam Malaysia, Welcome Centre cetusan idea Naib Canselor Ketujuh, Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak kini terbukti membawa impak yang besar sehingga mencipta nama UUM di mata dunia.

Terima kasih di atas kerjasama dan sokongan semua warga kampus, semoga Welcome Centre tetap memikat hati semua setiap masa.

=====
DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

